

TARIKH	13 / 6 / 2013	SEKSYEN	Negara
MUKA SURAT	4-24	RUANGAN	

## MUIP sasar kutipan zakat harta RM108 juta

HAFIZ ABBAS

**KUANTAN** - Majlis Uga-  
ma Islam dan Adat Resam  
Melayu Pahang (MUIP)  
menyasarkan kutipan za-  
kat harta sebanyak RM108  
juta pada tahun ini dengan  
sasaran seramai 71,000  
pembayar zakat.

Menurut Timbalan Yang  
Dipertua MUIP, Datuk Seri  
Wan Abdul Wahid Wan  
Hassan, sasaran itu dilihat  
realistik selepas pihaknya  
berjaya mengutip zakat se-  
banyak RM102.8 juta pada  
tahun lepas.

"Kutipan zakat pada ta-  
hun lalu menunjukkan pe-  
ningkatan sebanyak  
RM20.1 juta berbanding  
RM82.7 juta pada tahun  
2011," katanya pada majlis  
Penyerahan Zakat Pernia-  
gaan Korporat di Istana  
Mahkota di sini semalam.

Pada majlis itu, Sultan  
Pahang, Sultan Ahmad  
Shah berkenan menerima  
wang zakat perniagaan  
berjumlah RM2,446,132.65  
daripada Ketua Pegawai

Operasi Lembaga Tabung  
Haji, Datuk Kamarudin  
Mat Ali.

Turut hadir Setiausaha  
Kerajaan Negeri Pahang,  
Datuk Seri Muhammad Sa-  
fian Ismail dan Pengurus  
Besar Pusat Kutipan Zakat  
Pahang, Datuk Halidan Md.  
Daud.

Tambah Wan Abdul Wa-  
hid, bagi mencapai sasaran  
itu, MUIP akan menumpu-  
kan kepada beberapa stra-  
tegi iaitu kempen galakan  
membayar zakat dalam ka-  
langan peneroka FELDA,  
kempen membayar zakat  
melalui potongan gaji dan  
unit kaunter bergerak.

"Saya berharap ramai la-  
gi ahli korporat dan indi-  
vidu akan tampil memba-  
yar zakat harta agar dapat  
disalurkan kepada umat Is-  
lam yang memerlukannya,"  
katanya.

Jelas beliau lagi, pihak-  
nya berjaya meningkatkan  
jumlah pembayar zakat da-  
ripada 60,057 kepada 67,186  
orang pada tahun lepas.



**SULTAN AHMAD SHAH** (kiri) berkenan menerima replika cek zakat perniagaan Tabung Haji daripada Kamarudin (tengah) pada majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Korporat di Kuantan semalam.